

## INDEKS DAN PROFIL KECERDASAN EMOSI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

SAEMAH RAHMAN<sup>1</sup>, NORIAH MOHD. ISHAK<sup>2</sup>, ZURIA MAHMUD<sup>3</sup> &  
RUSLIN AMIR<sup>4</sup>

**Abstrak.** Kajian empirikal ke atas kecerdasan emosi telah menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan yang rapat antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku pelajar. Pada masa yang sama, laporan mengenai beberapa kejadian yang berkaitan dengan cetusan emosi dalam kalangan pelajar di negara kita menimbulkan persoalan tentang tahap kecerdasan emosi mereka. Kajian ini bertujuan mengenal pasti indeks kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan menghuraikan profil kecerdasan emosi mereka. Sampel kajian ini terdiri daripada 513 orang pelajar tingkatan dua dan empat di empat buah sekolah di negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia – Remaja (IKEM-R) ditadbir untuk mengukur kecerdasan emosi responden. Indeks kecerdasan emosi diukur berdasarkan tujuh domain kecerdasan emosi bermula dari 0 – 100 bagi menggambarkan kedudukan kecerdasan emosi mereka. Hasil kajian mendapati bahawa indeks kecerdasan emosi pelajar-pelajar yang dikaji ialah 76.02, iaitu berada di bahagian bawah kuartil keempat. Profil kecerdasan emosi bagi keseluruhan sampel mendapati terdapat tiga domain yang memperoleh skor kurang dari 75 peratus, iaitu domain-domain regulasi sendiri, kemahiran sosial dan kesedaran sendiri. Justeru, ketiga-tiga domain ini perlu diberi perhatian untuk meningkatkan kecerdasan emosi mereka secara keseluruhan. Kertas ini juga melaporkan profil kecerdasan emosi mengikut tingkatan, jantina dan lokasi sekolah.

*Kata kunci:* Kecerdasan emosi; perkembangan emosi; remaja

**Abstrak.** Empirical research on emotional intelligence has uncovered the relationship between emotional intelligence and students' behavior. Concomitantly, reports in the media regarding events that are related to emotional outburst among the students raised an issue about students' level of emotional intelligent. This study aims to identify emotional intelligence quotient among secondary school students. Additionally, this study also aims to describe their emotional intelligence profile. Sample of the study consisted of 513 form two and form four students from four schools in Selangor and Negeri Sembilan. Malaysian Emotional Quotient Inventory for adolescence (MEQI-A) was administered to determine the emotional quotient of the respondent. The EQ index was calculated based on the seven domains and ranging from 0 – 100 to describe individual's emotional intelligence. Results of the study showed emotional intelligence index of the respondents at 76.02 that is in the lower part of the fourth quartile. The emotional intelligence profile for the whole sampel showed respondents scored less than 75 percent in three domains namely the domain of self-regulation, social skills and self awareness. Thus, these domains should be addressed accordingly in order to increase students' emotional intelligence as a whole. This paper also reported the profile of emotional intelligence according to form, gender and school location.

*Keywords:* Emotional intelligence; emotional development; adolescence

## 1.0 PENGENALAN

Aspek emosi merupakan salah satu potensi individu yang ingin dikembangkan dalam sistem pendidikan di Malaysia seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Emosi adalah reaksi yang ditunjukkan dalam jangka masa yang pendek hasil daripada interaksi individu terhadap rangsangan yang tertentu (Seung Lee Do dan Schallert, 2004). Secara umum dapat dikatakan bahawa emosi memainkan peranan yang aktif dalam mempengaruhi tingkah laku dan tindakan individu. Dalam mendefinisi emosi, Ediger (1997) menekankan bahawa emosi merupakan aspek yang penting dalam kesejahteraan individu dan kejayaan mereka dalam kehidupan.

Kepentingan emosi dalam perkembangan individu mendapat perhatian serius bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam persekitaran (*setting*) organisasi. Goleman (1998) mendakwa bahawa kecerdasan emosi mempunyai pengaruh yang sama penting atau lebih penting terhadap kejayaan individu dalam kehidupan jika dibandingkan dengan kecerdasan intelek. Beliau percaya bahawa kecerdasan emosi boleh menyumbang kepada beberapa aspek kehidupan seperti peningkatan pembelajaran, penurunan tingkah laku agresif, pembuatan keputusan yang lebih baik dan lain-lain ciri yang membantu kejayaan dalam kehidupan. Teori-teori kecerdasan emosi mengandaikan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan lebih berjaya dalam bidang yang diceburinya (Goleman, 1995; Salovey dan Mayer, 1990). Kajian Noriah Mohd. Ishak, Siti Rahayah Ariffin, Zuria Mahmud, Saemah Rahman dan Manisah Mohd. Ali (2001) pula telah membuktikan bahawa remaja yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dapat menyelesaikan sesuatu tugas dengan lebih baik. Untuk membentuk kecerdasan emosi yang baik dalam kalangan remaja, sistem persekolahan boleh mengajar kemahiran-kemahiran yang berkaitan sejak dari sekolah rendah. Menurut Lickona (1993), kecerdasan emosi boleh diajar dalam suasana budaya sekolah yang positif. Justeru, kanak-kanak diberi peluang melalui aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah untuk mempraktikkan setiap ciri kecerdasan emosi melalui aktiviti kemasyarakatan, membuat keputusan, proses pembelajaran secara koperatif dan perkongsian pintar antara sekolah dan ibu bapa. Kecerdasan emosi juga boleh ditingkatkan melalui aktiviti berasaskan akademik seperti pembacaan dan perbincangan.

Kajian lepas seperti Trinidad dan Johnson tentang kecerdasan emosi menunjukkan wujud perkaitan yang rapat antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku pelajar. Kajian oleh Trinidad dan Johnson (2002) ke atas pelajar sekolah menengah telah mendapati bahawa skor kecerdasan emosi yang tinggi dikaitkan dengan kadar penggunaan alkohol dan merokok yang rendah. Kajian yang telah dijalankan oleh Noriah *et al.* (2001) ke atas 62 orang remaja telah membuktikan bahawa mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih dapat menunjukkan tingkah laku memberi tumpuan dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberi. Mereka yang mempunyai kecerdasan yang rendah pula kerap menunjukkan tingkah laku

bimbang dan perasaan tidak selesa apabila melaksanakan tugas yang diberi. Kajian Mayer (2001) ke atas remaja pintar cerdas turut mencadangkan bahawa kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan keupayaan mengendalikan emosi dalam hubungan dengan rakan sebaya. Dapatan kajian beliau seterusnya menunjukkan bahawa remaja sekolah yang mempunyai emosi stabil turut mempunyai hubungan sosial yang mantap. Pada masa yang sama remaja ini mempunyai pendirian yang tersendiri dan tidak mudah terikut dengan gaya rakan sebaya serta tidak mudah mengalah apabila menerima tekanan dari rakan-rakan sebaya.

Secara umumnya, dapatan kajian lepas mengenai kecerdasan emosi dan remaja telah berjaya mendokumentasikan kewujudan hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku pelajar (Noriah Mohd. Ishak *et al.*, 2001; Trinidad dan Johnson, 2002; dan Mayer, 2001). Di Malaysia, kes kematian pelajar tingkatan empat yang dipercayai dibelasah teruk oleh pelajar senior pada 28 Mac 2004 dan kes seorang pelajar yang maut akibat dipukul oleh sekumpulan pelajar pada 31 Oktober 2003 (Utusan Malaysia, 7 April 2004) turut mendedahkan tentang fenomena cetusan emosi dalam kalangan pelajar sekolah yang semakin meningkat. Laporan daripada akhbar-akhbar menunjukkan bahawa peristiwa cetusan emosi pelajar sekolah menengah lebih cenderung ke arah negatif (Utusan Malaysia, 7 April 2004; Berita Harian, 24 Ogos, 2004; Berita Harian 13 Jun 2005). Melalui laporan-laporan tersebut, dapat disimpulkan bahawa gejala agresif seperti buli, merogol, keganasan dan pembunuhan bukan hanya berlaku dalam kalangan individu dewasa, malah turut berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Walaupun di peringkat awal ianya kelihatan seperti kes-kes terpencil, namun kekerapan kejadian yang semakin meningkat tidak membolehkan masyarakat atau pihak yang bertanggungjawab menidakkan keseriusan masalah tersebut. Kejadian yang berlaku dalam kalangan pelajar hari ini menimbulkan beberapa persoalan tentang tahap kecerdasan emosi mereka. Apakah angka tunjuk yang dapat membantu kita memahami sejauh mana pelajar sekolah menengah dapat menangani emosi mereka? Setakat ini belum ada satu angka tunjuk atau indeks yang dapat dijadikan asas dalam mengukur tahap kecerdasan emosi pelajar di negara kita.

Sehubungan itu, satu kajian untuk mengenal pasti indeks dan profil kecerdasan emosi pelajar sekolah dirasakan perlu untuk memahami tahap kecerdasan emosi mereka sebelum sebarang program intervensi/pencegahan dapat dilaksanakan melalui sistem pendidikan atau saluran masyarakat. Dalam menentukan indeks dan profil kecerdasan emosi berdasarkan pemboleh ubah demografi seperti jantina, umur dan lokasi sekolah juga diteliti dalam memberi gambaran menyeluruh tentang kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Maklumat ini secara tidak langsung dapat membantu pihak berkepentingan seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menentukan tahap kecerdasan emosi remaja serta membina pangkalan data yang berguna bagi merancang program intervensi pencegahan/pencegahan yang sesuai. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti indeks dan profil kecerdasan emosi dalam kalangan

remaja yang bersekolah untuk mendapat gambaran tentang tahap kecerdasan emosi mereka.

## 2.0 DEFINISI KONSEP

### 2.1 Kecerdasan Emosi

Salovey dan Mayer (1990, 1993) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan memantau dan mengawal emosi sendiri dan orang lain serta menggunakannya untuk memandu pemikiran dan tindakan mereka. Definisi mereka meliputi beberapa kebolehan (ability) yang disusun dalam empat cabang, iaitu cabang yang terendah mengandungi asas proses psikologikal (seperti persepsi, penilaian (appraisal) dan ekspresi emosi) manakala cabang yang lebih tinggi melibatkan keupayaan yang lebih kompleks seperti memahami emosi dan regulasi emosi. Seterusnya, mereka berpendapat orang yang memiliki kecerdasan emosi mempunyai kemahiran dalam empat bidang, iaitu mengenal pasti emosi, menggunakan emosi, memahami emosi dan mengawal emosi.

Bar-On (2005) pula menggunakan istilah *emotional-social intelligence* dalam membincangkan tentang kecerdasan emosi. Beliau mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai:

*“... a cross-section of interrelated emotional and social competencies, skills and facilitators that determine how effectively we understand and express ourselves, understand others and relates with them, and cope with daily demands.”*

Definisi beliau tentang kecerdasan emosi berkait dengan kebolehan kita menangani emosi orang lain dan menangani perasaan sendiri. Seterusnya, beliau mencadangkan lima komponen kecerdasan emosi, iaitu intrapersonal, interpersonal, adaptabiliti, pengurusan tekanan dan mood secara umum.

Goleman (1995) pula melihat kecerdasan emosi sebagai: *“a master aptitude, a capacity that profoundly affects all other abilities, either facilitating or interfering with them,”* (m.s 80). Kenyataan tersebut menggambarkan kepercayaan beliau bahawa kecerdasan emosi sangat penting dalam kejayaan hidup seseorang. Beliau membahagikan kecerdasan emosi kepada lima komponen, iaitu: (i) kesedaran sendiri, (ii) regulasi sendiri, (iii) motivasi sendiri, (iv)Empati dan (v) kemahiran sosial.

Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa model Goleman dan Bar-on adalah hasil gugusan kecekapan beberapa ciri-ciri sosial, motivasi dan personaliti. Manakala Model Mayor dan Salovey pula mentafsirkan kecerdasan emosi sebagai keupayaan mental dan tidak berkait ciri-ciri sosial dan personaliti individu. Dalam konteks ini, pengkaji berpendapat bahawa lebih sesuai melihat kecerdasan emosi sebagai satu gugusan kecekapan atau kemahiran afektif yang menentukan bagaimana individu mengurus perasaan diri sendiri dan perasaan orang lain. Justeru kajian ini

cuba untuk mengadaptasi model kecerdasan emosi yang dikemukakan oleh Goleman serta menambah dua lagi faktor dicadangkan oleh Noriah *et al.* (2004), iaitu domain kerohanian dan kematangan daripada kajian yang dijalankan ke atas orang dewasa di Malaysia. Komponen ini tidak dinyatakan oleh ahli teori kecerdasan emosi dari negara Barat. Penambahan dua domain ini dijalankan untuk meneruskan usaha pemahaman konsep kecerdasan emosi dalam konteks tempatan dan untuk melihat sama ada domain tersebut wujud atau dapat dikesan di kalangan remaja pula. Kesimpulannya, kajian ini mengukur tujuh domain kecerdasan emosi, iaitu: (i) kesedaran sendiri, (ii) regulasi sendiri, (iii) motivasi sendiri, (iv) Empati, (v) kemahiran sosial, (vi) kematangan dan (vii) kerohanian.

## 2.2 Indeks Kecerdasan Emosi

Indeks didefinisikan sebagai satu angka tunjuk (Kamus Dewan, 1994). Menurut Joseph (2006) indeks ditakrifkan "*a numerical scale used to compare variables with one another or with some reference number. It is a number or ratio (a value on a scale of measurement) derived from a series of observed fact and it can reveal relative changes as a function of time,*" (m.s. 343). Etchechury (1979) pula menyatakan kecerdasan emosi sebagai "*index provides a yardstick that is helpful to measure and to quantify a problem. It is a numerical measure of the way a variable has changed over some base period.*" Seterusnya, Joseph (2006) mencadangkan empat langkah utama membina indeks dalam kecerdasan emosi, iaitu:

- (1) Keputusan perlu diambil untuk menentukan apakah pemboleh ubah yang sesuai yang perlu dimasukkan ke dalam indeks tersebut.
- (2) Pengukuran yang dilakukan secara kuantitatif dalam bentuk numerik dicari untuk membina indeks tersebut.
- (3) Pengukuran numerik tersebut perlu melalui proses normalisasi, untuk memastikan semua pemboleh ubah diukur dalam unit yang sama.
- (4) Pengiraan purata atau pemberat purata yang telah dinormalisasikan dikira.

Dalam kajian ini, indeks kecerdasan emosi merupakan satu angka tunjuk indikator bagi menentukan kebolehan seseorang mengurus diri dan orang lain serta menjana nilai diri yang boleh membantu memantapkan jati diri dan mengembangkan proses pembelajaran sepanjang hayat. Indeks secara keseluruhannya menggambarkan kedudukan seseorang dalam kebolehan mengawal emosi untuk meningkatkan prestasi diri. Indeks kecerdasan emosi yang diguna pakai dalam kajian ini mengukur tujuh domains yang diuji menggunakan alat ujian Instrumen Kecerdasan Emosi Malaysia-versi Remaja (IKEM-R). Pemberat purata yang telah dikira digunakan untuk menentukan indeks kecerdasan emosi pelajar yang dikaji.

### 3.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Secara khusus, objektif kajian ialah untuk mengenal pasti indeks kecerdasan emosi dan menghuraikan profil kecerdasan emosi mereka.

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian penerokaan ke atas isu kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Reka bentuk tinjauan keratan rentas menggunakan soal selidik laporan sendiri telah digunakan untuk mengumpulkan data.

#### 4.1 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan empat dalam sistem pendidikan di Malaysia. Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata berdasarkan jantina, lokasi dan jenis sekolah. Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian terdiri daripada empat buah sekolah, iaitu sebuah sekolah harian di bandar dan sebuah sekolah harian di luar bandar negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Kategori bandar dan luar bandar adalah berdasarkan pengkategorian yang telah ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Bilangan sampel yang dipilih juga adalah seimbang mengikut jantina, tingkatan dan lokasi sekolah. Borang soal selidik diedarkan kepada seramai 560 pelajar dan sebanyak 513 borang soal selidik berjaya dikutip kembali (kadar pulangan 91%). Jadual 1 menunjukkan taburan sampel mengikut jantina, tingkatan dan lokasi.

**Jadual 1** Taburan responden mengikut jantina, tingkatan dan lokasi sekolah

		Ting 2	Ting 4	Jumlah
Lokasi	bandar	115	118	233
	luar bandar	140	140	280
	jumlah	255	258	513
Jantina	lelaki	129	127	256
	perempuan	126	131	257
	jumlah	255	258	513

#### 4.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia - Remaja (IKEM-R). Pembinaan instrumen dijalankan berdasarkan beberapa sumber, iaitu: (1) hasil tinjauan literatur, (2) adaptasi daripada Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia – Dewasa (IKEM-D) (Noriah Mohd Ishak, *et al.*, 2004) dan (3) input daripada data

temu bual yang dijalankan ke atas remaja bersekolah untuk mengenal pasti faktor-faktor kecerdasan emosi dalam kalangan remaja tempatan. Item-item yang dibina disesuaikan supaya mudah difahami oleh pelajar sekolah menengah.

Instrumen IKEM-D digunakan untuk mengukur ketujuh-tujuh dimensi kecerdasan emosi responden. Instrumen tersebut disahkan terlebih dahulu sebelum digunakan dalam kajian ini. Secara ringkas instrumen ini mengandungi 165 item yang terdiri daripada pernyataan-pernyataan yang menggambarkan pemboleh ubah yang diukur. Responden dikehendaki memberi maklum balas berdasarkan skala lima mata, iaitu (1) Sangat setuju, (2) Setuju, (3) Tidak pasti, (4) Tidak setuju dan (5) Sangat tidak setuju. Skor individu akan menghasilkan jumlah skor kecerdasan emosi dan tujuh sub-skala komponen/domain kecerdasan emosi. Berikut dijelaskan secara ringkas setiap domain kecerdasan emosi yang diukur dalam kajian ini. Beberapa contoh item yang digunakan bagi mengukur setiap domain kecerdasan emosi juga ditunjukkan.

- (i) Kesedaran sendiri – merujuk kepada sejauh mana individu menyedari dan mengetahui perasaan sendiri dalam sesuatu keadaan serta dapat memilih keutamaan dalam mengambil tindakan atau membuat keputusan. Contoh-contoh item untuk mengukur pemboleh ubah ini ialah:  
“Saya sedar mengapa saya menjadi marah.”  
“Saya boleh mengawal rasa gementar saya ketika bercakap di khalayak ramai.”
- (ii) Regulasi sendiri – merujuk kepada sejauhmana individu berupaya menguruskan emosi dalam melaksanakan kerja supaya lebih mudah dan tidak mengganggu tugas tersebut. Contoh item:  
“Saya boleh tenang diri dengan cepat.”  
“Saya boleh menyesuaikan diri dengan mudah dalam pelbagai situasi.”
- (iii) Motivasi sendiri – keupayaan menggunakan kemahuan diri sebagai penggerak untuk mencapai sesuatu tujuan. Contoh item:  
“Saya sentiasa bersemangat ketika belajar.”  
“Saya sentiasa merebut peluang-peluang yang ada untuk membaiki prestasi.”
- (iv) Empati – kebolehan menyedari dan mengenal pasti perasaan seseorang, memahami sesuatu perkara menurut persepsi orang lain serta boleh memupuk kemesraan dan kesesuaian dengan individu lain. Contoh item :  
“Saya dapat merasakan kesedihan orang lain.”  
“Saya sedar apabila orang lain tidak puas hati dengan saya.”
- (v) Kemahiran sosial – keupayaan mentafsir dengan tepat keadaan sosial dan jaringannya dan dapat mengurus pelbagai emosi yang tercetus secara berkesan dalam pergaulannya. Contoh item:  
“Saya mudah membina hubungan mesra dengan sesiapa sahaja.”  
“Saya sentiasa memberi sokongan kepada orang lain.”

- (vi) Kematangan – kemahiran individu menyelesaikan masalah atau membuat keputusan yang tepat. Contoh item:  
 “Pengalaman mengajar saya untuk menjadi lebih matang dalam membuat keputusan.”  
 “Pengetahuan yang saya perolehi boleh meningkatkan kematangan fikiran.”
- (vii) Kerohanian – sejauh mana individu itu redha dengan ketentuan Tuhan, sentiasa mengingati-Nya dalam bekerja, bermuhasabah diri dan mematuhi peraturan agama. Contoh item:  
 “Memohon doa membantu saya menenangkan perasaan saya.”  
 “Saya yakin bahawa setiap kebaikan akan dibalas dengan kebaikan juga.”

### 4.3 Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini ditentukan menggunakan nilai Cronbach Alfa, iaitu nilai kebolehpercayaan yang menggambarkan indeks ketekalan setiap item (Jadual 2). Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach Alpha bagi setiap domain dan keseluruhan instrumen. Secara keseluruhan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi untuk item soal selidik ini yang membuktikan adalah antara 0.82 hingga 0.98 bahawa item yang terdapat dalam instrumen ini dapat dikatakan tekal dan konsisten.

**Jadual 2** Nilai Cronbach Alfa IKEM-R

Domain Kecerdasan Emosi	Bil Item	Nilai Cronbach Alpha
Kesedaran sendiri	27	0.82
Regulasi sendiri	29	0.89
Motivasi sendiri	19	0.94
Empati	34	0.95
Kemahiran sosial	38	0.96
Kerohanian	6	0.93
Kematangan	12	0.88
<b>Keseluruhan</b>	<b>165</b>	<b>0.98</b>

### 4.4 Analisis Data

Fokus utama kajian ini ialah untuk menentukan indeks kecerdasan emosi dan profil kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Indeks kecerdasan emosi dalam kajian ini ditentukan setelah melalui beberapa proses seperti yang disarankan oleh Joseph (2006) dan Etchechury (1979), iaitu proses pengiraan dengan mencari purata peratus bagi tujuh domain kecerdasan emosi yang diukur dengan membahagikan nilai yang diperolehi oleh setiap individu dengan nilai maksimum yang boleh diperolehi bagi setiap domain. Berdasarkan nilai peratus dari ketujuh-tujuh domain



seterusnya dicari min puratanya dalam peratus. Normalisasi disini melibatkan proses menentukan bahawa setiap domain yang diukur dikira dalam unit peratus agar sama unit numeriknya. Hasil pengiraan menghasilkan angka tunjuk antara 0 – 100. Profil kecerdasan emosi pula ditentukan dengan mengenal pasti skor keseluruhan dalam setiap domain kecerdasan emosi yang diukur. Analisis statistik deskriptif skor-skor tersebut mengikut tingkatan, jantina dan lokasi sekolah juga ditunjukkan melalui jadual.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

### 5.1 Indeks Kecerdasan Emosi

Indeks kecerdasan emosi dalam kajian ini dikira secara kuantitatif untuk memberi gambaran tentang tahap kecerdasan emosi responden yang dikaji. Jadual 3 menunjukkan tentang indeks kecerdasan emosi responden ialah 76.02. Jika dibandingkan dengan nilai kuartil, kedudukan nilai 76.02 adalah berada di kuartil keempat iaitu melepasi paras 75% (bagi nilai kuartil bermula dari 0 hingga 100%). Namun begitu, walau pun nilai ini melebihi aras 75% tetapi nilai 76.02 menunjukkan ia berada di bahagian bawah kuartil keempat tersebut.

**Jadual 3** Min peratus bagi setiap domain


<b>Domain</b>	<b>Peratus</b>
Kesedaran Kendiri	72.82
Regulasi Kendiri	72.27
Motivasi Kendiri	77.07
Empati	75.20
Kemahiran Sosial	72.75
Kerohanian	80.42
Kematangan	81.60
<b>INDEKS KECERDASAN EMOSI = Min Peratus Semua Domain</b>	<b>76.02</b>

### 5.2 Profil Kecerdasan Emosi

Jadual 4 menunjukkan min peratus, sisihan lazim, nilai maksima dan nilai minima bagi setiap domain kecerdasan emosi. Nilai peratus skor min yang tertinggi adalah pada domain kematangan (min peratus = 81.60), dan yang kedua tertinggi ialah domain kerohanian (min peratus = 80.42). Terdapat tiga domain yang mendapat skor kurang daripada 75%, iaitu domain regulasi sendiri (min peratus = 72.27), domain kemahiran sosial (min peratus = 72.75) dan domain kesedaran sendiri (min peratus 72.82). Skor-skor min peratus bagi setiap domain kecerdasan emosi juga ditunjukkan dalam bentuk graf dalam Rajah 1.

**Jadual 4** Min, sisihan lazim, skor minimum dan skor maksimum setiap domain kecerdasan emosi

Domain kecerdasan emosi	Min	SL	Skor minimum	Skor maksimum
Kesedaran Kendiri	72.82	8.62	35.50	97.50
Regulasi sendiri	72.27	9.69	28.30	98.50
Motivasi sendiri	77.07	11.87	22.80	100.00
Empati	75.20	11.07	25.05	100.00
Kemahiran sosial	72.75	10.24	24.08	100.00
Keohanian	80.42	13.36	26.67	100.00
Kematangan	81.60	14.06	21.67	100.00


**Rajah 1** Min peratus domain kecerdasan emosi keseluruhan sampel

### 5.2.1 Profil Kecerdasan Emosi Pelajar Mengikut Tingkatan

Jadual 5 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi ketujuh-tujuh domain kecerdasan emosi bagi pelajar tingkatan dua dan pelajar tingkatan empat. Jadual tersebut menunjukkan bahawa bagi kumpulan pelajar tingkatan dua, skor min tertinggi ialah bagi domain kerohanian manakala bagi pelajar tingkatan empat skor min tertinggi ialah bagi domain kematangan. Bagaimanapun, kedua-dua kumpulan pelajar menunjukkan skor min terendah bagi domain regulasi sendiri. Rajah 2 pula menunjukkan perbandingan skor min domain-domain kecerdasan emosi antara pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat. Dilihat dari segi perbandingan antara kedua-dua kumpulan pelajar tersebut, keputusan kajian menunjukkan bahawa skor min pelajar tingkatan empat mengatasi skor min pelajar tingkatan dua bagi semua domain kecerdasan emosi kecuali bagi domain kerohanian. Keputusan analisis MANOVA pula mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan domain-domain kecerdasan emosi tersebut antara pelajar tingkatan dua dengan pelajar tingkatan empat

**Jadual 5** Min peratus domain kecerdasan emosi pelajar tingkatan dua dan empat

Domain kecerdasan emosi	Tingkatan dua (N=255)		Tingkatan empat (N=258)	
	Min	SL	Min	SL
Kesedaran sendiri	72.46	7.66	73.17	9.49
Regulasi sendiri	71.71	8.52	72.82	10.72
Motivasi sendiri	76.70	10.83	77.43	12.83
Empati	73.92	9.88	76.47	12.01
Kemahiran sosial	71.95	9.59	73.54	10.80
Kematangan	79.25	12.34	81.56	14.23
Kerohanian	81.69	13.20	81.51	14.88



**Rajah 2** Perbandingan min peratus domain kecerdasan emosi antara pelajar tingkatan dua dan empat


$F(7,505) = 2.621, p = .011; Wilk\ lambda = .965$ . Pemeriksaan lanjut ke atas domain-domain tersebut secara berasingan mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alfa Bonferoni ( $0.05/7 = 0.007$ ) bagi kesemua domain kecerdasan emosi tersebut.

### 5.2.2 Profil Kecerdasan Emosi Mengikut Jantina

Jadual 6 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi ketujuh-tujuh domain kecerdasan emosi mengikut jantina. Jadual tersebut menunjukkan bahawa bagi kedua-dua kumpulan, skor min tertinggi ialah bagi domain kerohanian manakala skor min terendah ialah bagi domain regulasi sendiri. Rajah 3 pula menunjukkan analisis

**Jadual 6** Min peratus domain kecerdasan emosi pelajar lelaki dan perempuan


Domain kecerdasan emosi	Lelaki (N=257)		Perempuan (N=256)	
	Min	SL	Min	SL
Kesedaran sendiri	73.00	8.92	72.63	8.33
Regulasi sendiri	72.22	10.10	72.32	9.29
Motivasi sendiri	76.76	12.02	77.38	11.74
Empati	74.29	11.25	76.12	10.83
Kemahiran sosial	72.64	10.7	72.86	9.78
Kematangan	80.66	14.15	80.17	12.54
Kerohanian	81.79	14.28	81.41	13.86

**Rajah 3** Perbandingan min peratus domain kecerdasan emosi antara pelajar lelaki dan perempuan

perbandingan skor min domain-domain kecerdasan emosi antara pelajar lelaki dan perempuan. Dilihat dari segi perbandingan antara kedua-dua kumpulan pelajar tersebut, keputusan kajian menunjukkan bahawa skor min pelajar perempuan mengatasi skor min pelajar lelaki bagi domain-domain regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial manakala skor min pelajar lelaki mengatasi skor min pelajar perempuan dalam domain-domain kesedaran sendiri, kerohanian dan kematangan. Keputusan analisis MANOVA yang dijalankan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan domain-domain kecerdasan emosi tersebut antara pelajar lelaki dan perempuan  $F(7,505) = 2.624, p=.011$ ; Wilk lambda = .965. Bagaimanapun, pemeriksaan ke atas domain-domain tersebut secara berasingan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alpha Bonferoni ( $0.05/7 = 0.007$ ).

**Jadual 7** Min peratus domain kecerdasan emosi pelajar bandar dan luar bandar

Domain kecerdasan emosi	Bandar (N=233)		Luar Bandar (N=280)	
	Min	SL	Min	SL
Kesedaran sendiri	73.27	8.21	72.44	8.95
Regulasi sendiri	72.60	9.49	71.99	9.87
Motivasi sendiri	77.30	11.86	76.87	11.9
Empati	75.82	11.16	74.69	10.99
Kemahiran sosial	73.26	10.40	72.32	10.11
Kematangan	80.41	13.32	80.42	13.36
Kerohanian	81.35	14.16	81.80	13.99

**Rajah 4** Perbandingan min peratus domain kecerdasan emosi antara pelajar bandar dan luar bandar

### 5.2.3 Profil Kecerdasan Emosi Mengikut Lokasi Sekolah

Jadual 7 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi ketujuh-tujuh domain kecerdasan emosi mengikut lokasi sekolah yang dikaji. Jadual tersebut menunjukkan bahawa bagi kedua-dua kumpulan pelajar, skor min tertinggi ialah bagi domain kerohanian diikuti dengan domain kematangan manakala skor min terendah ialah bagi domain regulasi sendiri. Rajah 4 pula menunjukkan perbandingan skor min domain-domain kecerdasan emosi antara pelajar sekolah dengan sekolah bandar dan luar bandar. Dilihat dari segi perbandingan antara kedua-dua kumpulan pelajar tersebut, keputusan kajian menunjukkan bahawa skor min pelajar sekolah bandar mengatasi skor min pelajar sekolah luar bandar bagi semua domain kecerdasan emosi kecuali bagi domain kerohanian dan kematangan di mana skor min pelajar luar bandar

mengatasi skor min pelajar bandar. Keputusan analisis MANOVA tersebut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gabungan domain-domain kecerdasan emosi tersebut  $F(7,505) = .792$ ,  $p = .594$ ; Wilk lambda = .989. Bagaimana pun pemeriksaan ke atas domain-domain tersebut secara berasingan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aras alfa Bonferoni, iaitu  $(0.05/7 = 0.007)$ .

## 6.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa indeks kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah yang dikaji adalah berada pada bahagian bawah kuartil yang keempat, iaitu nilai yang melebihi paras nilai minimum kuartil teratas (iaitu melebihi paras 75%) namun ianya bukan satu nilai yang selesa. Nilai ini lebih rendah dari nilai indeks kecerdasan emosi yang diperolehi oleh pelajar-pelajar tahun satu dari salah sebuah IPTA di Malaysia yang pernah menduduki ujian IKEM tersebut (Indeks EQ = 80.22) (UKM, 2007). Kemungkinan besar tahap kecerdasan pelajar ini lebih rendah kerana umur mereka yang kurang dari pelajar Tahun satu di IPTA. Bagaimanapun, memandangkan bahawa kecerdasan emosi diperolehi menerusi interaksi dan pembelajaran dengan persekitaran, nilai indeks yang diperolehi pelajar-pelajar yang dikaji tersebut harus ditingkatkan. Ini dapat dilakukan dengan merangsang persekitaran pembelajaran yang dapat meningkatkan kestabilan emosi pelajar-pelajar (Lickona, 1993).

Dari segi domain-domain kecerdasan emosi pula, pada keseluruhannya menunjukkan nilai skor min yang tertinggi ialah pada domain kematangan dan yang kedua tertinggi ialah domain kerohanian. Manakala nilai skor min rendah dalam domain dicatatkan melalui regulasi sendiri, kemahiran sosial dan kesedaran sendiri. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pada umumnya pelajar yang dikaji mempunyai tahap kecerdasan yang baik serta masih ada ruang yang boleh diperbaiki untuk mempertingkatkan kecerdasan emosi mereka. Keputusan kajian mengenai prestasi responden dalam domain regulasi sendiri, kemahiran sosial dan kesedaran sendiri ini perlu diberi perhatian kerana ia amat penting dalam kejayaan dalam kehidupan pelajar sehari-hari. Justeru, keputusan kajian ini mencadangkan agar pelajar sekolah menengah perlu diberikan bimbingan untuk meningkatkan kecekapan regulasi sendiri, kemahiran sosial dan kesedaran sendiri mereka ke tahap yang lebih baik.

Ramai remaja masa kini yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial yang mungkin berpunca daripada kurangnya kemahiran mengenal dan mengawal emosi masing-masing. Laporan akhbar yang menulis tentang remaja yang berkelakuan langsung serta keterlaluan (seperti memukul rakan sebaya sehingga mendatangkan kecederaan yang boleh membawa maut, merogol gadis bawah umur secara berkumpulan dengan keterlaluan, membunuh kerana marah, membuli tanpa belas kasihan dan sebagainya) menjadi bukti kepada ketidakbolehan remaja mengawal emosi mereka. Di samping itu, ia juga menggambarkan kurangnya kemahiran sosial dalam kalangan pelajar

sekolah menengah yang membawa kepada peristiwa cetusan emosi yang tidak terkawal. Walaupun bilangan ini kecil, dan boleh dianggap sebagai satu kes terpencil, namun kesannya ke atas kesejahteraan mental masyarakat dapat dirasai. Senario ini selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa secara umum, skor min bagi regulasi sendiri adalah skor yang terendah dalam kalangan responden yang dikaji. Ini dapat membuktikan bahawa wujudnya kumpulan remaja yang mempunyai masalah kawalan emosi. Walau pun kajian ini tidak melihat kepada hubungan secara langsung antara kecerdasan emosi dan tingkahlaku langsung yang berlaku di kalangan remaja, namun, hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan satu inferensi yang kemungkinan dapat menggambarkan hubungan antara kecerdasan emosi dan tingkah laku langsung atau agresif yang ditunjukkan oleh remaja di negara kita masa ini. Pandangan ini adalah selaras dengan dapatan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan (Trinidad dan Johnson, 2002; Mayer, 2001).

Dapatan mengenai profil kecerdasan emosi mengikut umur, jantina dan lokasi sekolah turut mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi yang signifikan tetapi data deskriptif menunjukkan bahawa kecerdasan emosi pelajar yang lebih matang adalah lebih tinggi berbanding pelajar muda yang menunjukkan kadar perkembangan kecerdasan emosi berkembang mengikut umur. Dari segi perbezaan mengikut gender pula, dapatan kajian mendapati secara umumnya, kecerdasan emosi pelajar perempuan adalah lebih baik sedikit berbanding pelajar lelaki. Ini selaras dengan laporan media tentang peristiwa cetusan emosi yang dikaitkan dengan pelajar lelaki sebagai pelakunya. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan lepas yang turut mendapati pada umumnya kecerdasan emosi pelajar perempuan adalah lebih baik daripada pelajar lelaki (S. Katyal dan E. Awasthi, 2005). Implikasinya tumpuan perlu diberikan kepada bimbingan kawalan emosi dalam kalangan pelajar lelaki baik di sekolah mahupun di rumah. Dari segi lokasi sekolah pula, pada umumnya skor kecerdasan emosi pelajar luar bandar adalah lebih baik berbanding pelajar bandar kecuali bagi domain empati dan kemahiran sosial. Adakah ini bermakna bahawa pelajar luar bandar mempunyai peluang yang kurang untuk memperkembangkan kemahiran sosial dan empati mereka? Kemungkinan pengaruh persekitaran dalam perkembangan kecerdasan emosi perlu diteroka dengan lebih lanjut.

## **7.0 KESIMPULAN**

Pada umumnya kajian ini mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi kebanyakan pelajar sekolah menengah yang dikaji berada pada tahap yang baik dengan nilai indeks kecerdasan emosi berada pada kuartil yang keempat. Bagaimana pun masih ada domain tertentu yang perlu diberi perhatian. Dapatan mengenai domain-domain kecerdasan emosi pula menunjukkan prestasi yang rendah (kurang daripada 75 peratus) dalam domain regulasi sendiri, kemahiran sosial dan kesedaran sendiri. Oleh itu, domain-domain tersebut perlu diberi pertimbangan untuk dikembangkan semaksimum yang mungkin bagi membantu meningkatkan perkembangan kecerdasan emosi pelajar

secara keseluruhan. Adalah diharapkan agar kajian akan datang dapat meneroka dengan lebih lanjut faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi pelajar terutamanya yang melibatkan perbezaan mengikut gender dan lokasi sekolah supaya usaha dapat dipergiatkan untuk membantu perkembangan kecerdasan emosi mereka ke tahap yang maksimum.

## RUJUKAN

- Bar-On, R. 2005. The Bar-On Model of Emotional-social Intelligence. Dalam P. Fernandez-Berrocal & N. Extremera (Eds). Special Issue on Emotional Intelligence. *Psicothema*. 17: 1-28.
- Berita Harian. 24<sup>th</sup> August 2004.
- Berita Harian. 13 Jun 2005.
- Ediger, M. 1997. Affective Objectives in the Science Curriculum. (Clearinghouse No. SE060514)\_Montgomery, AL: Auburn University at Montgomery, School of Education. (ERIC Document Reproduction Service No. ED412070).
- Etchechury, J. 1979. *A Simple Model for Calculating the Index of Refraction of Neon I and Neon\*(3s) in the Cavity of a Xenon Fluoride Laser*. Master's Thesis, Naval Postgraduate School, Monterey, Canada.
- UKM, 2007. *Findings on EQ of UKM Students*. Report by TEA, UKMH, Bangi.
- Goleman, D. 1995. *Emotional Intelligence: Why it can Matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. 1998. *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Joseph, P.J. 2006. Promises Made, Promises Broken: A Model of IMF Program Implementation. *Economic and Politics*. 3(18): 339-365.
- Kamus Dewan, 1994.
- Katyal, S. & E. Awasthi. 2005. Gender Differences in Emotional Intelligence Among Adolescents of Chandigarh. *J. Hum. Ecol.* 17(2): 153-155.
- Lickona, T. (1993). *Educating for Character; How Schools Can Teach Respect and Responsibility*. New York: Bantam.
- Noriah Mohd Ishak, Siti Rahayah Ariffin & Zuria Mahmud. 2004. *Inventori Kecerdasan Emosi – Dewasa (IKEM-D)*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mayer, J. D. 2001. Emotional Intelligence and Giftedness. *Roeper Review*. 23(3): 131-137.
- Mayer, J. D., & Salovey, P. 1993. The Intelligence of Emotional Intelligence. *Intelligence*. 17(4): 433-442.
- Noriah, M.Ishak., Zuria M, & Siti Rahayah Ariffin. 2004. *Kecerdasan Emosi di Kalangan Pekerja di Malaysia*. Laporan Teknikal, Prosiding IPRA 2004, UKM.
- Noriah Mohd. Ishak, Siti Rahayah Ariffin, Zuria Mahmud, Saemah Rahman & Manisah Mohd. Ali. 2001. *Performance and Emotional Intelligence: A Correlational Study among Malaysian Adolescence*. Proceeding for International Learning Conference 2001, Spatses, Greece.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008. Portal Rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia di akses pada 2/3/2008 di: <http://www.moe.gov.my>
- Salovey, P., & Mayer, J.D. 1990. Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition, and Personality*. 9: 185-211.
- Seung Lee Do. & Schallert, D.L. 2004. Emotions and Classroom Talk: Toward a Model of the Role of Affect in Students' Experiences of Classroom Discussions. *Journal of Educational Psychology*. 96(4): 619-634.
- Trinidad, D. R., & Johnson, C. A. 2002. The Association Between Emotional Intelligence and Early Adolescent Tobacco and Alcohol Use. *Personality and Individual Differences*. 32(1): 95-105.
- Utusan Malaysia. 7 April 2004.